

03 NOV 1997

Annuar-Komputer

GERAKAN DESA WAWASAN PERLUASKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KE LUAR BANDAR

TAIPING, 3 Nov (Bernama) -- Kempen kesedaran Teknologi Maklumat (IT) akan diperluaskan ke kawasan luar bandar menerusi program Gerakan Desa Wawasan (GDW) bagi menambahkan pengetahuan serta kesedaran masyarakat desa mengenai perkembangan teknologi itu.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata masyarakat luar bandar perlu didedahkan mengenai IT selaras dengan kempen peringkat kebangsaan yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Sehubungan itu, 500 komputer akan diagihkan kepada setiap kampung yang dipilih menyertai program GDW, katanya kepada pemberita selepas melancarkan GDW Kampung Parit Menteri di sini petang semalam.

Katanya, Institut Kemajuan Desa (Infra) akan menganjurkan program latihan penggunaan komputer kepada Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) bermula bulan depan.

Katanya, menerusi program Bina Insan GDW, RM5,000 juta diperuntukkan termasuk RM3,000 juta bagi kempen IT iaitu RM2,000 juta untuk komputer dan selebihnya program latihan.

Beliau berkata, dijangkakan menjelang Jun depan, semua Pengerusi dan Setiausaha JKKK terbabit telah mengikuti program latihan itu dan dapat menggunakan komputer sepenuhnya bagi mendapatkan maklumat semasa.

Beliau juga berharap, pengagihan komputer itu bukan hanya mendekatkan masyarakat luar bandar dengan komputer, malah berpeluang menerokai internet.

Sementara itu beliau berkata, kerajaan bercadang akan membina sebuah pusat kegiatan masyarakat di setiap kampung bagi menggantikan balai raya.

Pusat berkenaan akan menggantikan fungsi balai raya yang tidak digunakan sepenuhnya walaupun kerajaan memperuntukkan perbelanjaan yang tinggi untuk membinanya, katanya. -- BERNAMA

RZS NN